

**PERTANDINGAN IDEA KREATIF VETERINAR 2016**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

**PENGENALAN**

Terdapat sebanyak tujuh puluh enam (76) penyertaan Pertandingan Idea Kreatif Veterinar telah diterima sepanjang bulan Februari 2016 sehingga bulan Julai 2016 untuk penilaian sempena sambutan Majlis Persada Inovasi peringkat Jabatan Perkhidmatan Veterinar 2016 seperti berikut:

<b>BULAN</b>	<b>BILANGAN PENYERTAAN</b>	
	<b>KATEGORI BERTEMA</b>	<b>KATEGORI BEBAS</b>
FEBRUARI 2016	(Langkah-Langkah ke Arah Pemantapan Industri Ruminan Negara) 13	5
MAC 2016	(Penerapan Ciri-Ciri Keusahawanan kepada Pembimbing dalam Sektor Ternakan) 16	1
APRIL 2016	(Usaha-Usaha dalam Mentransformasi Industri Agromakanan (Subsektor Ternakan)). 12	9
MEI 2016	(Memanfaatkan Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pengantara antara Jabatan dan Golongan Sasar) 8	0
JUN 2016	Langkah ke arah Mengawal dan Membasmi Wabak Penyakit Haiwan dengan Cepat dan Berkesan. 7	0
JULAI 2016	Mekanisme/Langkah Penyaluran Maklumat daripada Lapangan kepada Pengurusan Atasan Secara Berkesan dan Pantas. 3	2
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>76 PENYERTAAN</b>	

Panel Penilai bagi Pertandingan Idea Kreatif Veterinar terdiri daripada:

1. Dr Ahmad bin Salleh - **Ketua Panel Penilai**  
Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Hiliran  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
2. Y.H. Dato' Mohamed Radzuan bin Malek  
Pengarah Bahagian Penguatkuasa  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
3. Dr. Saipul Bahri bin Abd Ree  
Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

## **KEPUTUSAN**

Panel-Panel Penilai telah membuat penilaian terhadap borang-borang penyertaan dan pemenang-pemenang Pertandingan Idea Kreatif Veterinar 2016 adalah seperti berikut;

### **Pemenang Pertama**

**KAPT (B) MUSTAFA BIN DOLLAH**

**Pegawai Penguatkuasa**

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang**

### **Ringkasan Idea Kreatif:**

**“LEMBU SADO” – MENJANA PENDAPATAN LUMAYAN PENTERNAK**

Lembu Sado merupakan salah satu program terkini yang menjadi daya tarikan ramai terutamanya di kalangan penternak- penternak lembu kerana ia berupaya untuk menjana pendapatan yang lumayan kepada penternak, samaada melalui hasil jualan daging ataupun dijual sebagai “ haiwan kesayangan”.

Nama sado diperolehi berdasarkan kepada bentuk fizikal lembu iaitu bersaiz besar dan mempunyai otot yang berketul- ketul. Terdapat 5 jenis baka yang sesuai untuk menghasilkan Lembu Sado iaitu New Close Formen, Kelowna Jimbo, Graymar Iceman, Springhill Improvement dan Kersey Hawk. Penternak bebas untuk memilih baka lembu yang dikehendaki berdasarkan citarasa masing- masing. Lembu ini akan dihasilkan menggunakan teknik permanian beradas yang merupakan salah satu teknologi dalam Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Penternak boleh memilih untuk mendapatkan perkhidmatan permanian beradas melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau pihak swasta.

Penternakan lembu sado tidak memerlukan kos yang tinggi untuk permulaan, namun ia memberikan pulangan modal yang lumayan kerana penternak boleh menjual anak lembu sado seawal umur 1 bulan yang mempunyai berat sekitar 40 kg – 50 kg.

**Pemenang Kedua**  
**DR GUNALAN A/L SHANMUGAM**  
**Pegawai Veterinar**  
**Institut Teknologi Unggas Melaka**

***Ringkasan Idea Kreatif:***

**PENERAPAN CIRI- CIRI KEUSAHAWANAN KEPADA PEMBIMBING DALAM SEKTOR TERNAKAN'**

Jabatan memainkan peranan yang penting dalam usaha penerapan ciri- ciri keusahawanan di kalangan warga Jabatan. Pendedahan, pemahaman serta perkongsian ilmu dalam bidang ekonomi ladang, pemasaran produk, teknik perniagaan dan keusahawanan dapat dikongsikan melalui seminar, bengkel dan latihan sangkut bersama dengan agensi luar seperti agensi FAMA, KDNK, Koperasi Keusahawanan dan lain- lain agensi.

Jabatan juga perlu mengambil inisiatif untuk menggunakan teknologi terkini sebagai satu platform bagi menyalurkan maklumat, kepakaran, pengalaman, nasihat dan sebagainya dengan mewujudkan pautan secara on – line / e-livestock business supaya golongan sasar memperolehi maklumat yang diperlukan.

Selain itu, pemberian anugerah usahawan yang berjaya dan juga pemberian insentif merupakan satu cara untuk memupuk minat keusahawanan serta galakkan kepada golongan sasar.

**Pemenang Ketiga**  
**PN SABARIAH BINTI BASIR**  
**Pegawai Penyelidik**  
**Institut Veterinar Malaysia Kluang**

***Ringkasan Idea Kreatif:***

**"USAHA- USAHA DALAM MENTRANSFORMASI INDUSTRI AGROMAKANAN (SUBSEKTOR TERNAKAN)"**

Merujuk kepada Dasar Agromakanan Negara (DAN), 2011-2020, entiti yang berkaitan perlu lebih aktif dalam mentranformasi Industri Agromakanan untuk memastikan bekalan bahan mentah dapat menampung keperluan dan permintaan terhadap makanan berkhasiat dalam jangka masa yang panjang serta dapat membantu golongan petani yang menghadapi masalah berkaitan kos pengeluaran makanan dan produktiviti.

Antara usaha- usaha dalam mentranformasi Industri Agromakanan adalah melalui tranformasi guna tenaga belia muda sebagai agropreneur, Latihan Kemahiran Penternakan, Penggunaan Teknologi Maklumat (ICT) dan Komunikasi, Memperkuuh Sokongan Institusi dan Khidmat Pengembangan (PPV), Meningkatkan Pematuhan Ladang kepada MyGAP, Penyelidikan & Pembangunan

serta menggalakkan pembelian insuran untuk ternakan yang berisiko tinggi dan pemberian Insentif.

Usaha- Usaha ini tidak hanya fokus kepada golongan petani tetapi mampu untuk melahirkan golongan belia untuk lebih kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan bidang pernigaan bagi menjana pendapatan sendiri dan memeriahkan Industri Agromakanan juga secara langsung dapat menjana sumber ekonomi negara.